



**UNTUK SIARAN
SEGERA**

KENYATAAN MEDIA

GLOMAC UMUM PEMBANGUNAN SETERUSNYA DI LAKESIDE PUCHONG

Pelancaran Loop City sediakan pilihan rumah untuk spektrum pembeli yang luas

Puchong, 6 November 2023 – Glomac Berhad (“Glomac atau Kumpulan”), sebuah pemaju hartanah yang terkemuka, dengan sukacitanya mengumumkan pembangunan seterusnya di Lakeside Residences, Puchong, sebuah perbandaran dengan jumlah anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM4 bilion meliputi kawasan 188 ekar. Pembangunan seterusnya dengan jumlah GDV RM2.6 bilion ini, merangkumi tiga plot kediaman servis, satu plot komersial yang bakal disediakan sekolah atau hospital swasta, iaitu Loop City (15.3 ekar, GDV RM1.6 bilion), Lakeside Terrace (3 ekar, GDV RM 41 juta) dan Lakeside Semi-D (23.9 ekar, GDV RM 416 juta), kedai di Lakeside Boulevard (6 ekar, GDV RM 90 juta) dan rumah mampu milik RSKU e-Khas (4 ekar, GDV RM69.5 juta).

Loop City, projek pembangunan campuran bersepadu, adalah komited untuk menjadikan pemilikan rumah satu realiti, sekali gus menjadikannya boleh diakses oleh pelbagai pembeli yang lebih meluas. Sebagai permulaan, Glomac memperkenalkan Loop Residences, dengan fasa pertama 980 unit pangsapuri servis seluas 450 kaki persegi dan 750 kaki persegi. Harga jualan bermula dari RM230, 000 hingga RM660, 000, memastikan golongan profesional muda, pembeli rumah kali pertama, malah pesara boleh mencari penyelesaian yang ideal perumahan mereka.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Glomac, Datuk Seri FD Iskandar berkata, “Dengan peningkatan kos sara hidup, ramai individu yang bekerja di lokasi Tier 2 (Bangsar, Petaling Jaya dan Puchong) terpaksa tinggal di lokasi Tier 3 (Rawang, Sungai Buloh, Cyberjaya) untuk meringankan beban kewangan mereka. Apa yang kami cuba tekankan, terutamanya kepada penduduk generasi muda di Puchong, adalah pilihan untuk tinggal dan bekerja di kawasan yang sama, agar lebih dekat dengan keluarga berbanding tinggal jauh dari pusat bandar Puchong.”

Loop City terletak di lokasi strategik yang menawarkan kemudahan dan kebolehcapaian untuk penduduk. Terletak hanya kira-kira 2 kilometer dari stesen LRT, memudahkan perjalanan ulang-alik dan membolehkan penduduk untuk berhubung dengan lancar ke pusat bandar. Pusat beli-belah utama yang berhampiran menyediakan pelbagai pilihan tempat makan, pasar raya besar, dan pelbagai kemudahan, manakala kewujudan bank, klinik, dan sekolah, memastikan penduduk mempunyai keperluan yang penting dan mudah untuk dicapai.

GLOMAC BERHAD
6 November 2023

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Azwan Kimori
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat
azwan@glomac.com.my
Talian: 03 7723 9046

Nurin Mastura
Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat
nurin@glomac.com.my
Talian: 03 7723 9056

Glomac Berhad

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (high-rise), atas tanah (landed) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik untuk tujuan berkediaman dan pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik untuk bakal pembeli kami dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan.